

Penyediaan Belanjawan 2026 disesuaikan dengan keutamaan ekonomi

Melaka: Perdana Menteri berkata, penyediaan Belanjawan Negara 2026 akan disesuaikan dengan keutamaan ekonomi setiap negeri dan bukan hanya ditentukan pada peringkat kementerian.

Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pendekatan itu penting, bagi memastikan pertumbuhan ekonomi berjalan lancar tanpa mengabaikan keperluan rakyat terutama dalam menangani kos sara hidup.

"Setiap negeri ada kekuatan tersendiri. Seperti di Melaka, tumpuan diberikan kepada sektor pelancongan dan pembuatan, kerana prestasi negeri ini sangat memberangsangkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi libat urus Belanjawan 2026 bersama Pemain Industri Pelan-

congan dan Pembuatan bersama Perdana Menteri dan Menteri Keuangan di Banda Hilir, di sini semalam.

Perdana Menteri berkata, keresahan rakyat akibat kos sara hidup perlu diambil kira, kerana terdapat jurang antara golongan elit dan bawahan.

"Kerana itu pengukuhan ekonomi itu tidak boleh diiktiraf dengan teori ekonomi tradisional, tetapi perlu dikaitkan dengan keperluan dan kebijaksanaan, bagi memastikan masyarakat kita dapat berkembang dan jalan yang diambil adalah munasabah, ringan dan tidak membebankan rakyat," kata beliau.

Terdahulu sesi libat urus itu disertai 150 pemain industri pelancongan dan pembuatan selain agensi kerajaan negeri dan Persekutuan.

BERNAMA